

30/05/2002

Apabila keselamatan perlu paksaan

WALAUPUN tidak sekerap kemalangan jalan raya, tragedi bot karam sering berlaku di negara ini. Paling menyedihkan apabila nahas seumpama ini membabitkan kehilangan banyak nyawa seperti kejadian di Tasik Banding yang mengorbankan lapan orang Isnin lalu. Amat menyedihkan kerana tahap kesedaran mengenai keselamatan di kalangan rakyat adalah rendah. Jika diperhatikan dalam apa-apa keadaan sekalipun, rakyat tidak begitu mengambil berat mengenai keselamatan nyawa mereka. Tidak ramai yang mahu sentiasa berada dalam keadaan siap sedia memakai jaket keselamatan ketika menaiki bot atau sebarang kenderaan pengangkutan air. Kejadian di Tasik Banding itu juga tidak membawa banyak kesedaran berdasarkan pengusaha mahupun penumpang bot di beberapa kawasan di seluruh negara terus tidak mementingkan keselamatan, seolah-olah pemakaian jaket keselamatan adalah satu beban.

Saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk mengkaji keperluan tindakan diambil terhadap pengusaha bot yang tidak menguatkuasakan pemakaian jaket keselamatan, harus amat bertepatan. Disebabkan bencana datang tanpa amaran, sebarang kealpaan boleh berakhir dengan peristiwa mengerikan. Jaket keselamatan bukan umpama baju besi ke medan perang pada zaman lampau. Pemakaiannya tidak pun merumitkan atau memberi ketidakselesaan. Dalam hubungan ini, Syahbandar dan Jabatan Laut hendaklah membuat pemantauan rapi ke atas pengusaha bot, tidak terkecuali perahu penambang di kawasan terpencil, bagi memastikan mereka menyediakan kelengkapan keselamatan mencukupi kepada orang ramai bagi mengelakkan tragedi yang tidak guna disesali kemudian.

(END)